MAHATHIR-RUNDINGAN '''
(I)

DARI EFFENDI ARIFFIN

1984

WASHINGTON, 18 JAN. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEMALAM BERBINCANG SELAMA DUA JAM DENGAN PRESIDEN RONALD REAGAN DI WHITE HOUSE, MERANGKUMI ISU-ISU ANTARABANGSA, KEADAAN EKONOMI DUNIA, PERDAGANGAN DAN HUBUNGAN DUA HALA.

SEORANG PEGAWAI KANAN PENTADBIRAN AMERIKA SYARIKAT BERKATA PRESIDEN REAGAN KAGUM DENGAN PENCAPAIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN EKONOMI MALAYSIA DENGAN ADANYA KERAJAAN YANG BERKEUPAYAAN DAN DEMOKRAT fti.

+KAMI BERCADANG UNTUK TERUS BEKERJASAMA RAPAT DENGAN MALAYSIA++, KATA PEGAWAI ITU KEPADA KIRA-KIRA 50 ORANG PEMBERLTA TERMASUK PARA WARTAWAN DARI MALAYSIA SELEPAS KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU SELESAI BERBINCANG. HADIR SAMA DI MAJLIS PENERANGAN KEPADA PARA PEMBERITA ITU IALAH DUTA AMERIKA SYARIKAT KE MALAYSIA ENCIK T. SHOESMITH.

KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU KEMUDIAN DISERTAI OLEH PARA PEGAWAI KANAN MASING-MASING DALAM SIDANG SELANJUTNYA. PIHAK MALAYSIA DIWAKILI OLEH MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DATUK SANUSI JUNID, DUTA MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT, DATUK LEW SIP HON, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, TAN SRI ZAKARIA ALI, DAN KETUA PENGARAN UNIT PERANCANGAN EKONOMI DI JABATAN PERDANA MENTERI, TAN SRI CALLEHUDDIN, MOHAMAD. -- LAGI 1720/ZI

MAHATHIR-RUNDINGAN 2 WASHINTON '''

YANG LAIN-LAIN IALAH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA, TAN 'SRI RAMA IYER, PENGARAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, ENCIK ASMAT KAMALUDDIN DAN SETIAUSAHA POLITIK MEGAT JUNID MEGAT AYOB.

PERWAKILAN AMERIKA TERMASUK NAIB PRESIDEN GEORGE BUSH, SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DONALD REGAN, PEMANGKU SETIAUSAHA NEGARA KENNETH DAM DAN DUTA AMERIKA SYARIKAT KE MALAYSIA, T. SHOESMITH.

JURUCAKAP WHITE HOUSE BERKATA PERBINCANGAN MENGENAI ISU ANTARABANGSA MENYENTUH SOVIET UNION, CHINA, JEPUN, ASIA BARAT, DAN ASEAN DAN PERKARA-PERKARA SERANTAU YANG LALN TERUTAMA SEKALI MENGENAI KAMPUCHEA.

KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU SEPENDAPAT BETAPA PERLUNYA DIERATKAN LAGI HUBUNGAN EKONOMI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DAN +HASRAT KITA UNTUK MENGGABUNGKAN PELABURAN AMERIKA SYARIKAT DI MALAYSIA.

DALAM HUBUNGAN INI AMERIKA SYARIKAT MENSIFATKAN MALAYSIA SEBAGAI TEMPAT YANG PALING BAIK UNTUK MENINGKATKAN PELABURAN DAN KERJASAMA AMERIKA SYARIKAT. -- LAGI 1725/ZI

MAHATHIR-RUNDINGAN 3 WASHINGTON '''

PRESIDEN REAGAN JUGA YAKIN PERANAN PENTING YANG DIMAINKAN OLEH SEKTOR SWASTA DALAM PERTUBUHAN EKONOMI DI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA DAN +KAMI SEPENDAPAT DENGAN MALAYSIA TENTANG PERDAGANGAN YANG LEBIH BEBAS, MENGURANGKAN SEKATAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN PERLINDUNGAN DAGANGAN DI DALAM NEGERI DAN NEGARA-NEGARA LAIN*.

MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN TELAH BERJAYA MENGURUSKAN HAL EHWAL POLITIKNYA SECARA DEMOKRATIK DAN MENGENDALLKAN URUSAN EKONOMI DAN DIPLOMATIK DENGAN PENUH KEMAHIRAN.

JURUCAKAP ITU JUGA MENJELASKAN BAHAWA MALAYSIA ADALAH SATU DARXPADA NEGARA-NEGARA YANG TIDAK PERNAH MENERIMA BANTUAN ASING DARI AMERIKA. -- LAGI 1737/ZI

MAHATHIR-RUNDINGAN 4 WASHINGTON R'R'R'

PERDANA MENTERI TIBA DI WHITE HOUSE MENAIKI KERETA KETIKA KEADAAN SUHU DI IBU NEGARA INI TURUN DIBAWAH O DARJAH CELSIUS DAN SALJI TEBAL.

BENDERA MALAYSIA DAN AMERIKA SYARIKAT DIKIBARKAN DI SEPANJANG JALAN PENNSYLVANIA BERHAMPIRAN RUMAH PUTIH SEMPENA LAWATAN PERDANA MENTERI SELAMA LIMA HARI KE AMERIKA SYARIKAT.

SEBELUM PERBINCANGAN DIMULAKAN KEDUA-DUA PEMIMPIN BERGAMBAR DI OVAL OFFICE. TURUT HADIR IALAH NAIB PRESIDEN GEORGE' BUSH.

PERDANA MENTERX, ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR.SITI HASMAH DAN 20 ORANG ANGGOTA ROMBONGAN RASMI MALAYSIA TIBA DISINI SELASA LALU DARI N&W YORK. SATU ROMBONGAN SERAMAI 30 ORANG PENIAGA MALAYSIA TURUT MENYERTAI ROMBONGAN TERSEBUT.

PETANG SEMALAM PERDANA MENTERI MENGADAKAN PERTEMUAN TIDAK RASMI DENGAN MASYARAKAT PERNIAGAAN AMERXKA DISINI. BELIAU JUGA DITEMU-RAMAH OLEH 'B I ZNET', RANGKAIAN PERNIAGAAN AMERIKA, SEBUAH PERKHID-MATAN KOMUNIKASI PERNIAGAAN UTAMA DI AMERIKA SYARIKAT DI MANA PARA PELANGCAN MENERIMA PROGRAM-PROGRAM TERPERINCI MEMBINCANGKAN SECARA LANGSUNG ISU-ISU YANG MELIBATKAN MESYARAKAT PERNIAGAAN.

--LAGI 173 1 /AN

ZCZC 8619
MAHATHIR-RUNDINGAN 5 WASHINTON 'R'R' Ed'

HARI INI PERDANA MENTERI DIJADUAL MENGADAKAN D I A L O G DENGAN SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN t DONALD R. REGAN ,SETIAUSAHA RENOAH PEROACANGAN ANTARABANGSA, JABATAN PERDAGANGAN, LIONEL M.OLMER, SETIAUSAHA RENOAH BAGI EHWAL'ANTARABANGSA DAN KOMODITI,JABATAN PERTANIAN, RICHARD AMSTUTZ D A N PERWAKILAN PERDAGANGAN AMERIKA SYARIKAT WILLAIAM WILLIAM BROCK.

DATUK SERI DR.MAHATHIR JUGA AKAN BERBINCANG DENC'AN LEMBAGA PENGARANG WASHINGTON POST DAN SATU LAGI TEMURAMAH DENGAN SUARA AMERIKA.

PADA SEBELAH TENGAH HARI S E M A L A M BELIAU BERUCAP KEPADA PERSATUAN DASAR ASING (FPA) DAN MAJLIS E H W A L DUNIA.

PERSATUAN D A S A R ASING ITU MERUPAKAN PERTUBUHAN H A L EHWAL ANTARABANGSA YANG TERTUA DI AMERIKA SYARIKAT. IA AOA'LAH PERTUBUHAN Y A N G TIDAK MENCARI KEUNTUNGAN DAN TIDAK MEMIHAK. OBJEKTIFNYA IALAH UNTUK MENGEMUKAKAN PANDANGAN ORANGRAMAI D A L A M HAL EHWAL ANTARABANGSA.

-LAGI 1737/AN

MAHATHI R- RUNDINGAN 6 WASHINGTON 'R'R'R'

MAJLIS EHWAL DUNIA DI WASHINGTON D.C A D A L A H SEBUAH INSTITUSI MASYARAKAT UNTUK MENYAMPAIKAN KEPADA SETIAP RAKYAT PELUANG UNTUK MENGKAJI D A N MELIBATKAN DIRI DALAM ISU-ISU DASAR ANTARABANGSA DEWASA INI.

DALAM SATU PROGRAM BERASINGAN SEMALAM, DATUK SERI DATIN PADUKA DR.SITI HASMAH MENIKMATI J A M U A N TEH BERSAMA PUAN REAGAN DI WHITE HOUSE.

BELIAU JUGA MAKAN TENGAH HARI BERSAMA ISTERI PEMANGKU SETIAUSAHA NEGARA P U A N K E N N E T H DAM SEBELUM MELAWAT KE IBU PEJABAT NASIONAL PALANG MERAH DI SINI.

TENGAH HARI SEMALAM AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA JUGA MENGADAKAN MESYUARAT TIDAK RASMI DENGAN RAKAN-RAKAN PERNIAGAAN MEREKA DI AMERIKA.

--BERNAMA 1739/AN